

# Dalami qiraat dalam AQ

## Bicara Qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

**S**ALAH satu rancangan realiti televisyen yang berkonsep Islamik dan mendapat sambutan pada ketika ini adalah Akademi Quran (AQ). Rancangan ini menampilkan satu program berasas kepada bacaan al-Quran dalam bentuk *tarannum* (berlagu) dan dibaca melalui riwayat qiraat.

Pada awalnya mungkin pendengar merasa cuak dengan bacaan qiraat namun apabila juri memberi teguran kaedah yang tepat atau manhaj yang sahih barulah kita memahami betapa pentingnya membaca al-Quran dengan riwayat yang berbeza.

Menariknya dalam AQ ini, yang tidak sama dengan musabaqah al-Quran di mana juri akan menentukan di atas pentas riwayat apakah yang perlu dibaca oleh peserta sama ada Warsy, Qalun, al-Susi, al-Duri atau yang lain.

Ini adalah satu metod untuk menguji kecekapan peserta dalam bacaan al-Quran merangkumi *tarannum*, qiraat dan tajwid.

Tambah menarik apabila peserta mampu membaca riwayat yang diberi oleh juri dengan membacanya secara berlagu dan menepati *manhaj* setiap imam. Di sinilah sebenarnya keistimewaan AQ berbanding tilawah al-Quran.

Pendedahan bacaan secara qiraat sebegini adalah amat penting kerana ia menggambarkan kepada masyarakat betapa banyaknya ilmu berkaitan bacaan al-Quran. Dan masih banyak ilmu qiraat yang belum kita menerokainya dengan mendalam.

Realitinya selama ini kita hanya membaca satu riwayat sahaja iaitu riwayat Haf's dari qiraat 'Asim. Sedangkan di sana terdapat sepuluh qiraat *mutawatirah* dan setiap qari mempunyai dua riwayat.

Ini bermaksud kita hanya mengetahui satu riwayat daripada dua



PROGRAM realiti televisyen, Akademi al-Quran berjaya menarik jumlah penonton yang ramai.

puluh riwayat yang diiktiraf bertaraf *mutawatirah* dan sah membacanya dalam sembahyang.

Namun begitu bukan berinkaksud penulis mahu mengajak semua pembaca membaca al-Quran dengan riwayat-riwayat tersebut.

Bagi yang berkemampuan mempelajarinya adalah dialu-alukan dan bagi yang tidak mampu sudah memadai dengan menekuni satu riwayat sahaja iaitu Haf's.

Apa yang penting, kita memberi sokongan kepada rancangan ini. Kesungguhan para peserta mempelajari ilmu qiraat dalam tempoh yang singkat dan mampu membuat bacaan persembahan beralunkan seni *tarannum* dan membacanya mengikut

riwayat berbeza adalah satu usaha yang boleh membanggakan kita semua.

Bagi merealisasikan pengembangan ilmu qiraat dalam masyarakat, alangkah baiknya jika kelas-kelas al-Quran untuk dewasa yang banyak diadakan di merata tempat menjadikan ilmu qiraat sebagai satu subjek pengajian.

Mungkin peringkat permulaan hanya diterangkan sejarah qiraat dan pengenalan qari serta *manhajnya*. Penguasaan asas ilmu qiraat akan menjadikan program AQ lebih bermakna kepada kita.

Secara positifnya, penulis mengharap satu perubahan pemikiran terhadap ilmu qiraat perlu wujud dalam diri muslim. Di negara arab

sudah lama wujud rakaman 30 juzuk al-Quran dengan riwayat Warsy, Qalun, al-Duri dan lain-lain. Quran juga dicetak dengan riwayat-riwayat tersebut.

Justeru apakah kita hanya memadai dengan riwayat Haf's sahaja? Jika begitulah keadaannya sudah tentu kita akan terkebelakang dalam menguasai ilmu al-Quran.

- KHAIRUL ANUAR MOHAMAD ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri.